

SUSUR RAWAI DESSIT DUANO DALAM SENI DANGKONG

Susur Rawai Dessit Duano in Dangkong Art

Rahmat Damiri¹, Norazlina Mohd Kiram²

¹Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara,

²Universiti Putra Malaysia

²*noraz@upm.edu.my*

Published: 26 June 2021

To cite this article (APA): Damiri, R., & Mohd Kiram, N. (2021). Susur Rawai Dessit Duano dalam Seni Dangkong. *Jurnal Peradaban Melayu*, 16(1), 45-52. <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/peradaban.vol16.1.5.2021>

ABSTRAK

Dessit Duano atau orang Duano merupakan satu kelompok orang Asli yang ada di Malaysia. Mereka merupakan sebahagian daripada orang Kuala yang tinggal di kuala sungai atau persisiran pantai. Dangkong ialah seni warisan turun temurun yang mengandungi pelbagai tarian atau susur rawai. Kajian ini dijalankan bagi membincangkan ragam Tarian Susur Rawai dessit Duano di Johor dan makna tersirat pergerakan ragam tersebut. Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan kaedah lapangan serta temu bual. Kajian dijalankan di Kampung Kuala Benut, Benut Pontian, Johor dan melibatkan empat orang informan yang terdiri daripada ketua masyarakat dan penggiat seni Dangkong. Temu bual difokuskan kepada lima ragam dalam Tarian Susur Rawai dessit Duano, iaitu mendayung, mengemudi, membuang air, menarik rawai dan menanggal rawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa ragam Tarian Susur Rawai dessit Duano dalam seni Dangkong bukan sekadar tarian, tetapi berkait rapat dengan kehidupan seharian, mempunyai nilai estetika yang tinggi dan lambang identiti masyarakat.

Kata kunci: Dessit Duano; Seni Dangkong; Susur Rawai; Ragam dan Estetika

ABSTRACT

Dessit Duano or the Duano people are a group of indigenous people from Malaysia. They are the people who live along the coast or the area at the mouth of the river. Dangkong is a traditional art that encapsulates several dances or Susur Rawai (lines railing). This study was carried out to describe the meaning of various movements of the Susur Rawai Dance of Dessit Duano from Johor. Data were collected using interviews in Kampung Kuala Benut, Pontian, Johor. Four informants for this study are selected from the community leader and Dangkong dance activists. To collect the data, the interviews with the informants focus only on five types of movement in 'Susur Rawai' (lines) dance namely rowing, steering, pitch out water, pulling the lines and casting off the lines. The results of the study shows that the various movements in the 'Susur Rawai' (lines) dance are closely related to their daily life, aesthetic values and symbols of identity of the Dessit Duano.

Keywords: Dessit Duano, Dangkong Art, Susur Rawai (Line Railing), Variety and Aesthetic

PENGENALAN

Seni Dangkong menjadi medium untuk merapatkan hubungan ahli masyarakat Duano di daerah Kepulauan Riau. Seni ini juga dipersembahkan dalam majlis keramaian dengan tujuan untuk memeriahkan majlis seperti masyarakat di Pulau Jawa yang sering mengadakan persembahan wayang, jaipongan dan tarub. Kesenian Joget Dangkong turut tersebar dalam kalangan masyarakat daratan timur (pesisir) Sumatera dan Kalimantan serta Semenanjung Malaysia. Di Tanah Melayu, seni ini terkenal sejak abad ke-17 lagi. Penyebaran kesenian ini ke daerah lain lebih dikenali sebagai joget dan di sesetengah tempat dipanggil Joget Tandak dan Joget Lambak. Dangkong juga dikatakan sebahagian daripada pecahan susur Ronggeng kerana ciri persembahannya mempunyai kaitan antara satu sama lain (Asrif, 2013). Tarian Dangkong dikatakan pecahan daripada tari Joget Ronggeng Melayu, iaitu dalam kalangan

masyarakat Melayu di Kepulauan Riau. Menurut Mohd. Anis Md. Nor (1990), joget juga disebut sebagai ronggeng walaupun persembahannya berbeza di kawasan tertentu. Ia dianggap sebagai tarian hiburan dan menggunakan muzik iringan daripada peralatan moden. Tarian Dangkong ini merupakan sejenis tari pergaulan yang dizahirkan daripada kehidupan masyarakat Melayu yang bekerja sebagai nelayan. Lama-kelamaan tarian ini telah berkembang ke istana raja Melayu Riau. Tarian ini turut berkembang sebagai tari pergaulan umum. Kesenian joget pada ketika itu dikenali sebagai Joget Tandak. Joget Dangkong di Kepulauan Riau merujuk kepada orang yang menari berpasang-pasangan sambil berpantun dan dipersembahkan untuk menghiburkan kaum nelayan di pantai. Pantun juga berperanan untuk mewujudkan pergaulan yang seresam, disamping mengekalkan tali persaudaraan dan medium hiburan. Komuniti nelayan Melayu di Kepulauan Riau memanggil kesenian ini sebagai Joget Dangkong yang diwarisi secara turun-temurun.

KAJIAN LITERATUR

Kajian mengenai seni Dangkong telah dilakukan oleh Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad dan Mohamed Anwar Omar Din (2009). Dapatan kajian mereka menjelaskan bahawa tarian Dangkong merupakan adunan antara tarian asli orang Laut dengan tarian Melayu yang mendapat pengaruh kesenian orang Portugis di Melaka, serta gambaran cara hidup *dessit Duano* yang mencari kehidupan di laut. Persembahan tarian ini biasa diadakan dalam majlis perkahwinan dan keramaian. Peralatan asas persembahan Dangkong terdiri daripada biola, gendang dan gong, manakala penari tarian Dangkong terdiri daripada lapan orang wanita. Ada juga kumpulan persembahan yang dianggotai oleh enam orang penari lelaki dan enam orang penari wanita. Tarian ini mengayakan pergerakan tangan yang lemah gemalai dengan pergerakan kaki yang perlahan mengikut rentak tabuhan gendang dan alunan irama bunyian biola. Seiring masa, bentuk pergerakan tarian ini telah berubah kepada tarian joget Melayu tetapi masih mengekalkan beberapa ciri asalnya. Persembahan tarian Dangkong dimulakan dengan satu ritual pembukaan majlis yang dijalankan oleh wakil penganjur acara atau ketua masyarakat dalam komuniti tersebut. Beliau akan menyanyi sambil menyambut dan mengucapkan selamat datang kepada tetamu yang hadir. Nyanyian ini dikenali sebagai lagu Tabik yang mempunyai unsur semangat dan bertujuan untuk menenteramkan nelayan atau pemancing yang bimbang diganggu makhluk ghaib semasa berada di lautan.

Upacara ritual seni Dangkong pula dikenali sebagai upacara Tolak Bala atau istiadat Sedekah Bendungan, manakala di kawasan Asahan dan Kuala Labuhan Batu di Sumatera pula dipanggil Tarian Lukah atau Tarian Upih (Syarifuddin Hj. Wan Mahzim, 2005). Menurut Anastasia Wiwik Swastiwi dan Hanafi Hussin (2007), kesenian Joget Dangkong di Kepulauan Riau merupakan sejenis tari pergaulan yang berkembang dalam kalangan masyarakat nelayan Melayu dan diterima oleh masyarakat umum. Ia bermula dengan nama joget dan kemudian dipanggil Joget Dangkong sempena alat muzik gendang yang berbunyi “dang” dan bunyi “kung” daripada alat muzik gong. Nama Dangkong merupakan gabungan bunyi daripada ketukan kedua-dua alat muzik tersebut yang merupakan muzik utama dalam kesenian Joget Dangkong. Joget Dangkong mengabungkan gerakan tari dan iringan muzik serta nyanyian. Tarian ini dimainkan oleh tiga orang pemuzik, seorang penyanyi dan penari (empat hingga lapan orang). Perubahan masa menyebabkan peralatan muzik yang digunakan dalam persembahan Joget Dangkong turut mengalami perubahan. Peralatan muzik tidak hanya menggunakan gendang dan gong tetapi juga biola (piul) dan peralatan muzik yang lain. Hal ini secara tidak langsung menyebabkan nama Joget Dangkong tidak kekal lama, dan lama-kelamaan dikenali sebagai joget sahaja. Sepanjang tahun 1913 hingga 1963, kesenian Joget Dangkong di Kepulauan Riau berkembang dengan pesat sehingga tersebar di wilayah Batam, Dompak, Moro, Pulau Mantang, Pulau Lingga, Pulau Sugi, Pulau Parit, Tanjung Batu, Tanjung Balai Karimun dan Tembeling.

Yoan S Nugraha (2017) pula menjelaskan bahawa Dangkong merupakan tarian joget lambak yang semakin suram kerana tidak lagi diikuti, terutamanya yang berkaitan dengan etika persembahan seperti ritual buka pentas, menata hias diri dan semangat alat muzik. Pada asasnya, syekh (kekuatan) persembahan Dangkong adalah pada mistiknya. Dipercayai bahawa jika Dangkong ini tidak mencapai syekhnya maka muzik Dangkong tidak mampu membuat bulu roma penonton berdiri. Terdapat juga pantang larang yang perlu dipatuhi seperti wanita dalam haid dilarang menyentuh penggesek biola

ataupun menggesek biola ketika hujan kerana dipercayai biola tersebut tidak dapat menghasilkan bunyi. Gong yang tidak melalui proses ritual dipercayai akan menghasilkan bunyi tidak lunak. Misalnya, tidak dicalit dengan kapur sirih pada cembul di bahagian dalamnya. Pantang larang bagi sesebuah gong ialah rambut. Apabila sehelai rambut masuk ke dalam gong tersebut maka akan terhasil bungi gong yang sembab. Ritual yang dimaksudkan dalam Dangkong adalah jampi serapah yang dipakaikan pada sesuatu peralatan. Berbeza pula jampi (doa) yang dibacakan pada alat solekan yang dipakai pada penari. Oleh kerana tarian ini telah wujud sejak abad ke-17, maka pemakaian rangkaian ritual yang unik dilakukan untuk memastikan barisan penari sentiasa cantik dan berseri sepanjang persembahan berlangsung. Penari Joget Dangkong mestilah dalam jumlah yang genap kerana dipercayai jumlah yang ganjil akan mengundang orang ghaib (bunian) untuk menari bersama dan menjelma sebagai puteri atau penari joget. Terdapat juga jampi (doa) yang dibacakan pada wangian dan alat solek (bedak) yang dipakai. Pemuzik lelaki disyaratkan supaya melakukan acara buka tanah sebagai tanda memohon kebenaran untuk melakukan persembahan. Jampi (doa) harus dibacakan pada beras dan garam sambil ditaburkan pada seluruh permukaan tanah yang dijadikan laman persembahan. Ritual ini umpama upacara buka gelanggang dalam persembahan. Bait jampi yang diucapkan dapat dikaitkan dengan amalan pendinding diri, iaitu menggunakan garam sebagai bahan penawar bagi mengelak gangguan sihir atau jin. Beras (kebiasaannya berwarna kuning) ditabur sepanjang proses pembukaan gelanggang dan ia dikaitkan dengan kesucian dan simbol rezeki.

Mohamad Maulana Magiman dan Othman Yatim (2012) menyatakan bahawa unsur kesucian adalah untuk memastikan setiap perkara atau peralatan yang digunakan dalam persembahan dijauhi daripada kotoran. Hal ini seiring dengan pelakuan mereka untuk membawa kebaikan. Berkait dengan jampi yang dilafazkan oleh penyanyi Dangkong tersebut bertujuan untuk menghasilkan suara yang merdu, sekali gus dapat menghiburkan dan memukau penonton. Penggiat, pemain, penari, penyanyi dan pemuzik Dangkong juga perlu menguasai jampi penunduk, pembungkam, penawar atau pembuang dan jampi lain sebagai perisai diri daripada diganggu ketika Dangkong berlangsung. Jampi (doa) yang dibacakan pada wangian serta alat solekan (bedak) yang dipakai oleh penari dangkong ialah seperti di bawah.

*Tuang minyak ku tuang Ku
tuang di tapak tangan
Bukan aku minyak seorang
Aku minyak bulan bintang
Matahari dan cahaya
Cahaya bulan dan cahaya aku
Cahaya bintang cahaya aku
Cahaya matahari cahaya aku
Cahaya ALLAH cahaya Muhammad
(berniat atas diri pemakai)
Bedak Olak olek Mari
pakai ujung gunting
Mesra dalam daging Dengan
berkat doa Lailaha illallah
(berniat atas diri pemakai)*

Jampi (doa) di bawah ini akan dibacakan oleh para pemuzik yang terdiri daripada kaum lelaki bagi acara buka tanah sebagai tanda memohon kebenaran untuk melakukan persembahan. Jampi ini harus dibacakan pada beras dan garam sambil ditabur-taburkan di seluruh permukaan tanah yang digunakan sebagai laman persembahan. Ritual ini dikenali sebagai upacara buka gelanggang.

*Hi Amrih Na Wajiah Jin SerindaiBuka
kunci rumahku
Buka kunci yang di dalam rumahku
Kunci ALLAH lagi terbuka
Kunci MUHAMMAD lagi terbungkai
Inikan pula si amrih jin serindai
Ambil ranggas mata ranting hendak membuat pagar
Hendak memagar rangka bidadari
(berniat agar persembahan Dangkong berjalan lancar)*

Sehingga ke hari ini tidak dapat dipastikan bila dan siapa yang mencipta Joget Dangkong. Seni persembahan Dangkong telah melalui proses asimilasi dengan seni persembahan masyarakat Melayu akibat daripada faktor geografi. Elemen asas dalam persembahan Dangkong dikenali sebagai tari susur rawai. Tari ini dicipta berdasarkan pengamatan masyarakat terhadap kehalusan dan kesopanan budi pekerti kaum wanita, seperti pergerakan tangan yang lemah gemalai, kaki yang perlahan dan ketertiban dalam tingkah laku. Tari susur rawai ini juga menjadi perlambangan kepada aktiviti harian dessit Duano yang mencari rezeki di laut seperti kaum nelayan. Bertitik tolak daripada sinilah, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti ragam tari susur rawai dessit Duano di Benut Pontian, Johor dan menghuraikan makna tersirat bagi setiap ragam pergerakan. Daerah Pontian terletak 62 kilometer dari Pusat Bandaraya Johor Bahru. Daerah ini bersebelahan dengan daerah Batu Pahat di Barat Laut, daerah Kluang serta daerah Kulai di sebelah Timur dan Selat Melaka di sebelah barat. Kebanyakan kawasan di Pontian terdiri daripada paya bakau, manakala aktiviti menangkap ikan merupakan aktiviti utama penduduk disekitar daerah ini.

PENDEKATAN PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dua kaedah, iaitu lapangan dan temu bual. Pengumpulan data dilakukan selama tiga bulan, iaitu pada bulan Mac hingga Mei 2020 di lokasi Kampung Kuala Benut, Benut, Pontian, Johor, manakala temu bual dijalankan pada 12 hingga 13 Julai 2020. Kampung Kuala Benut ini merupakan gabungan empat buah kampung lain, iaitu Kampung Kuala Benut, Kampung Sri Tanjung, Kampung Nelayan dan Kampung Baru Lapis Sayang. Informan kajian adalah empat orang, yang berusia antara 32 hingga 83 tahun. Justifikasi pemilihan informan kerana mempunyai pengetahuan dan pengalaman sama ada sebagai pemimpin setempat atau pengiat kesenian Dangkong. Soalan yang dikemukakan kepada informan adalah berkaitan dengan tarian Dangkong seperti sejarah asal-usul, susur rawai, kemahiran pergerakan, bentuk atau ragam, pantang larang dan harapan pada masa hadapan. Data kajian dianalisis berdasarkan lima ragam susur rawai, iaitu mendayung, mengemudi / kemudi, membuang air / tuang air, menarik rawai / tarik rawai dan menanggalrawai (mata kail). Tumpuan kajian ini hanya kepada ragam Tarian Susur Rawai yang melibatkan penariwanita sahaja.

PERBINCANGAN PENYELIDIKAN

Menurut Rahmah Abu Bakar (Temu bual, 2020), Dangkong di Kuala Benut, Benut Pontian, Johor terhasil daripada adunan tarian asli dessit Duano dengan tarian Melayu. Dangkong tersebut dipengaruhi unsur kesenian luar, iaitu negara Portugis yang datang ke Melaka pada abad ke-15. Dangkong merupakan persembahan umum yang diadakan secara percuma dan dijayakan oleh masyarakat dalam acara keramaian seperti perkahwinan, pesta kemasyarakatan, berkhatan dan menerima kehadiran tetamu utama. Kesenian Dangkong di Pontian tidak mengamalkan bacaan mantera atau jampi, dan tidak terikat kepada pantang larang tertentu. Terdapat pelbagai unsur tari dalam persembahan Dangkong, termasuklah Tarian Susur Rawai yang memaparkan perilaku masyarakat untuk merawai ikan di laut. Susur Rawai dessit Duano dalam seni Dangkong mempunyai lima ragam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Ragam Tarian Susur Rawai dan Makna Tersirat

Bil.	Ragam Susur Rawai	Makna Tersirat
-------------	--------------------------	-----------------------

1.	Mendayung (Pergerakan mendayung sampan)	Kegigihan wanita yang sentiasa berusaha, bersemangat waja dan berani mengerah kudrat untuk mencari rezeki walaupun merentas lautan luas.
2.	Mengemudi (hala tuju yang berarah pada haluannya)	Kehidupan mestilah mempunyai haluan yang jelas, iaitu berpaksikan kepada ajaran agama yang menganjurkan umatnya supaya melakukan kebaikan. Jika tersilap mengemudi haluan maka kehidupan tidak lagi bermakna.
3.	Menimba Air/Membuang Air	Membuang segala keburukan di laut dan tidak di bawa pulang ke tanah daratan. Teladan yang baik menjadi ikutan untuk membina sahsiah diri terpuji.
4.	Menarik Rawai	Semangat untuk menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman supaya dapat memburu lebih banyak kejayaan.
5.	Menanggal Rawai	Usaha untuk mendapatkan rezeki untuk menjana pendapatan keluarga.

(Sumber: Kajian Lapangan, 12-13 Julai 2020)

Gaya persembahan Tarian Susur Rawai bersifat sejajar atau seranting, seperti keadaan di dalam sampan atau perahu panjang. Gaya persembahannya kelihatan sebaris. Pada asasnya, Tarian Susur Rawai merupakan asimilasi pergerakan atau tata cara nelayan di laut dan membawa perlambangan atau makna yang tersendiri. Rincian lanjut adalah seperti yang berikut:

i. Mendayung



Gambar 1: Ragam Tari Mendayung

Menurut Samad Ab Hamid dan Amri Ahmad (temu bual, 2020), pergerakan mendayung dalam tarian Susur Rawai menyerupai pergerakan mendayung sampan. Tarian yang ditarikan oleh kaum wanita ini menggambarkan sifat wanita yang gigih berusaha dan bersemangat waja serta kuat mengerah kudrat, termasuk mendayung sampan. Tujuannya adalah untuk membantu ketua rumah tangga (suami) untuk mencari nafkah, iaitu dengan mendayung sampan bagi menangkap ikan di laut. Hal ini memperlihatkan sifat wanita yang berani, berhati waja dan tidak gentar dilambung ombak (Rahmah Abu Bakar, 2020). Walaupun kaum wanita berkemampuan melakukan pekerjaan kaum lelaki, namun ciri kehalusan dan kelembutan masih kekal dalam diri mereka. Dengan sekali pandang, tidak ada bezanya gerak tari yang dilakukan oleh penari wanita dalam tarian lain seperti Zapin Dayung (Johor). Semasa menari, penari wanita akan merapatkan lengannya pada badan. Lenggok badan penari yang ayu dan lemah gemalai ini menggambarkan sifat sebenar wanita yang halus budi pekertinya. Dalam hubungan ini, masyarakat Melayu tradisional beranggapan bahawa wanita sejati seharusnya memiliki ciri kelembutan dan kehalusan, sekali gus lambang wanita Timur.

ii. Mengemudi



Gambar 2: Ragam Tari Mengemudi

Samad Ab Hamid (temu bual, 2020), menjelaskan bahawa kemudi bermaksud hala tuju yang berarah pada haluannya. Jika kemudi ke kanan maka ke kananlah arahnya dan begitu juga sebaliknya. Dalam kehidupan pula, orang yang bertunjangkan agama akan berkatlah hidupnya, dan sesat kehidupannya jika haluan terpesong. Oleh kerana kebanyakan orang Duano berpegang kepada ajaran Islam dan iman, maka seperti dalam filosofi Melayu “ملايو”, *Mim* itu Muhammad, *Lam* itu Lailahailallah, *Alif* agama Islam yang suci, *Ya* itu dunia dan *Wau* itu warak. Sehingga *Mim* itu dibentuk dalam perahu itu haluan dan *Lam* itu layarnya. *Ya* itu dunia, badan daripada perahu itu. Kemudian *Wau* itu warak, menjadi kemudi. Jadi harus kemudi itu mengarahkan perahu menentukan itu, harus warak. Orang warak yang membawa perahu itu, itu lambang Melayu”.

iii. Menimba Air /Membuang Air



Gambar 3: Ragam Tari Menimba Air/Membuang Air

Penggiat Dangkong Muda bernama Hafizah Hussain (temu bual, 2020) mengatakan bahawa ragam atau perilaku ‘menimba air’ memaparkan aktiviti menimba air atau membuang air yang terdapat di dalam sampan/perahu yang digunakan sewaktu menarik rawai. Hal ini dipamerkan dalam tari sebagai simbol membuang segala keburukan di laut dan tidak di bawa pulang ke tanah daratan. Ragam ini dapat ditakrifkan, jika air masuk ke dalam sampan atau perahu, maka keadaan itu akan menambahkan berat sampan atau perahu tersebut dan boleh menyebabkan perahu karam. Oleh yang demikian, keburukan yang ada pada diri haruslah dibuang dan mengambil teladan yang baik dalam pembinaan sahsiah diri. Simbol teladan merujuk kepada hasil tangkapan yang diperolehi daripada aktiviti merawai. Jika tiada hasil tangkapan pada hari tersebut maka kita tidak boleh berputus asa, sebaliknya terus berusaha untuk memperoleh rezeki. Rezeki yang diperolehi itu bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi perlu dikongsi bersama. Pemikiran seperti inilah yang perlu dijadikan teladan, iaitu segala kebaikan bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi juga untuk disebarikan kepada orang lain.

iv. Menarik Rawai



Gambar 6: Ragam Tari Menarik Rawai

Menurut Amri Ahmad (temu bual, 2020), menarik rawai merupakan satu proses untuk menarik hasil tangkapan yang tersangkut pada rawai yang dibentangkan di laut. Jika panjang rawainya, maka makin tinggi kebarangkalian hasil yang diperoleh, dan jika pendek rawainya maka hasil yang diperoleh adalah sebaliknya. Dalam hubungan ini, bukan hasil yang dimaksudkan tetapi rawai itu yang menjadi perlambangan bahawa semakin jauh atau panjang perjalanan seseorang itu, maka semakin tinggi ilmu atau pengalaman yang diperoleh. Dessit Duano menyifatkan simbol panjang rawai melambangkan semangat untuk terus mengorak langkah bagi memburu kejayaan seperti yang ditunjukkan oleh anak-anak desist Duano di Kampung Kuala Benut, Benut Pontian. Hal ini kerana ramai yang telah berjaya dalam pendidikan dan memperoleh kerjaya yang baik, seperti kata bidalan, '*Semakin Jauh Perjalanan Semakin Banyak Pengalaman*'.

v. Menanggal Rawai (mata kail)

Samad Ab Hamid (temu bual, 2020), rawai atau parawai berjalur panjang dapat ditakrifkan sebagai alat tangkapan yang terdiri daripada rangkaian tali utama dan tali pelampung. Dengan jarak tertentu pada tali utama, terdapat beberapa tali cabang yang pendek dengan diameter lebih kecil. Di hujung tali cabang tersebut diikat pancing yang berumpan. Perawai mempunyai pancing atau jarum besi/mata kail (*metal jigs*) yang dipakai untuk mengait ikan yang kebetulan melalui arus laut. Penggunaan rawai berjalur panjang diibaratkan sebagai tangan atau usaha terhadap kehidupan yang terbentang luas di atas muka bumi tuhan. Secara tersiratnya, keadaan tersebut menggambarkan harapan seseorang terhadap kehidupan agar semua yang ada di langit diturunkan, yang ada di laut ditimbulkan, yang jauh di dekatkan dan semua urusan dipermudahkan. Syaratnya ialah seseorang itu perlu rajin berusaha untuk mencari rezeki. Selain itu, ikan perlu dipegang dengan berhati-hati untuk mengelakkan daripada terlepas. Rawai juga perlu ditanggalkan dengan cermat supaya jari tidak tersangkut pada rawai hingga mengakibatkan kecederaan. Tatacara menanggalkan rawai perlu dibuat berulang kali untuk mendapatkan rezeki. Rezeki yang dimaksudkan merujuk kepada ikan yang tersangkut pada rawai untuk dibawa ke darat sebagai sumber makanan, diolah menjadi produk hiliran atau sebagai bahan jualan bagi menjana ekonomi masyarakat Duano.

PERSEMBAHAN DANGKONG

Persembahan Dangkong lazimnya dimulakan dengan upacara ritual pembukaan majlis. Ketua kumpulan yang menjalankan ritual tersebut akan bernyanyi sambil menyambut dan mengucapkan selamat datang kepada tetamu yang hadir. Ia merupakan kata alu-aluan kepada hadirin sebelum persembahan tarian dijalankan. Nyanyian ini dikenali sebagai lagu Tabik. Lagu yang dinyanyikan berkait rapat dengan semangat laut yang perlu dipujuk, sekali gus dapat menenteramkan jiwa pemancing atau nelayan supaya tidak gusar dengan kewujudan perkara ghaib. Ketenteraman jiwa jugabergantung kepada hati, iaitu tahap keimanan seseorang terhadap agamanya. Semangat laut juga perlu dipujuk dan dirayu untuk mengelakkan daripada berlakunya bencana semasa persembahan dijalankan, sekali gus selain menghindarkan pemuzik, penari dan khalayak daripada gangguan makhluk halus.

Ensembel muzik tarian Dangkong menjuruskan kepada gendang dan gong sahaja. Kedua-dua alat muzik

ini memainkan peranan yang penting pada peringkat awal persembahan. Alat gendang menghasilkan warna nada (*timbre*) bunyi untuk membentuk pelbagai rentak kepada tarian tersebut. Tabuhan (alat bunyi-bunyian yang dipalu) yang dihasilkan daripada gendang berfungsi untuk mengawal dan menentukan pergerakan rentak dan perubahan pergerakan kaki semasa tarian ditarikan. Penghasilan rentak ini menghidupkan suasana dan memberi semangat kepada para penari untuk mempersembahkan tarian yang menarik. Gong pula berperanan sebagai penanda lagu atau irama yang perlu diulang-ulang atau menandakan persembahan tarian telah berakhir. Penari mendengar isyarat yang dihasilkan daripada tabuhan gendang dan diikuti paluan gong semasa pergerakan tarian bermula. Biola pula menjadi muzik iringan asas yang sangat penting sebagai tanda persembahan akan bermula.

Pada masa ini, tarian Dangkong memasukkan alat tabla daripada muzik ghazal Johor dan gitar, selain daripada biola dan gendang. Tabla yang ditabuh secara bertingkah-tingkah dengan tabuhan gendang bertujuan untuk merencanakan rentak gendang. Bunyian gitar pula bertujuan untuk merencanakan alunan muzik dan tarian bagi menarik perhatian masyarakat setempat. Lagu yang sering dipersembahkan di Pontian ialah Kencana Wati yang dinyanyikan ketika pembukaan persembahan. Semasa persembahan Tarian Susur Rawai, lagu Inang Cina menjadi lagu iringan. Lagu lain termasuklah Bertabik, Dondang Sayang, Serampang Laut, Tanjung Katung, Nona Singapura, Gunung Banang dan *Johor Sport Club*.

RUMUSAN

Pada 1990-an, warisan seni Dangkong kurang mendapat sambutan kerana ada dalam kalangan pemuzik yang telah meninggal dunia. Generasi muda pula tidak berminat untuk mempelajari muzik dan tarian Dangkong, malah tidak suka mendengarnya. Selain itu, penari wanita yang semakin berumur tidak dapat mencari pengganti dalam kalangan wanita muda kerana seni Dangkong tidak menarik perhatian mereka. Joget Dangkong bukanlah satu tarian khusus tetapi merupakan satu cabang seni persembahan sama seperti Kuda Kepang mahupun Makyong yang memuatkan pelbagai perkara seperti muzik, tarian, amalan ritual dan pantang larang. Seni Dangkong suatu ketika dahulu mengandungi ritual tersendiri, iaitu pemujaan kepada semangat laut melalui acara persembahan. Pembacaan jampi dan mantera berfungsi sebagai pendinding diri kepada penyanyi, pemain, penari, pemuzik dan penonton Dangkong.

Kepercayaan kepada pantang larang juga begitu kuat, terutamanya pada alatan muzik itu sendiri. Dangkong yang mementingkan aspek kesenian tradisional telah mula beralih kepada kesenian joget dan memasukkan elemen moden seperti lagu, peralatan muzik serta kostum yang dipakai ketika menarikan tarian ini. Pada asalnya, elemen “urus niaga” juga ada dalam persembahan, iaitu penonton yang ingin menari bersama penari wanita harus memberikan nilai yang bersesuaian. Secara keseluruhannya, nama Dangkong atas dasar gendang dan gong itu akan disebut sebagai seni persembahan Dangkong dan bukannya tarian kerana di dalamnya terhimpun segala estetika seni. Pada masa ini, Tarian Susur Rawai dalam seni Dangkong menjadi persembahan warisan dessit Duano. Pendokumentasian mengenai ragam dan makna tersirat pergerakan Tarian Susur Rawai dapat memberikan pengetahuan kepada masyarakat tentang keunikan tarian tersebut. Ia juga dapat membentuk kekuatan dalaman dan nilai positif seperti semangat juang yang tinggi, gigih, berani dan mempunyai matlamat hidup yang jelas. Oleh yang demikian, seni Dangkong wajar diangkat sebagai satu identiti yang unik bagi masyarakat dessit Duanodi Johor dan maklumat mengenainya perlu dikongsikan dengan masyarakat dunia.

RUJUKAN

- Amri Ahmad. (2020). Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (masyarakat orang Duano), Benut, Pontian, Johor. Temu bual, 12-13 Julai 2020.
- Anastasia Wiwik Swastiwi dan Hanafi Hussin. (2007). Joget Dangkung dan Perkembangannya di Kepulauan Riau Sejak 1913 hingga Alaf Baru. *Jurnal JATI* (12): 211-228.
- Asrif. (2013). Kesusastraan Buton Abad XIX: Kontestasi Sastra Lisan dan Tulis, Budaya dan Agama. *Jurnal Sawerigading* (19): 471-484.
- Hafizah Hussain. (2020). Penggiat Dangkong Muda (masyarakat orang Duano), Benut, Pontian, Johor. Temu bual, 12-13 Julai 2020.

- Mohamad Maulana Magiman dan Othman Yatim. (2012). Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak. *Jurnal Melayu* (9): 259-287.
- Mohd. Anis Md. Nor. (1990). The Zapin Melayu Dance of Johor: From Village to a National Performance Tradition. Doctoral Dissertation. The University of Michigan.
- Rahmah Abu Bakar. (2020). Penggiat Dangkong Tua (masyarakat orang Duano), Benut, Pontian, Johor. Temu bual, 12-13 Julai 2020.
- Samad Ab Hamid. (2020). Ketua Masyarakat (masyarakat orang Duano), Benut, Pontian, Johor. Temu bual, 12-13 Julai 2020.
- Syaifuddin Hj. Wan Mahzim. (2005). Mantera dan Upacara Ritual Masyarakat Melayu Pesisir Timur di Sumatera Utara: Kajian Tentang Fungsi dan Nilai-Nilai Budaya. Tesis PhD. Universiti Sains Malaysia.
- Yoan S Nugraha. (2017). Menyimbak Mendung Joged Dangkung. *Redaksi jantung melayu*. Dimuat naik daripada <https://jantungmelayu.com/2017/01/menyimbak-mendung-joged-dangkung/>
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Mohamad Nazri Ahmad dan Mohamed Anwar Omar Din. (2009). Laporan Kajian Warisan Orang Kuala: Kajian Kes di Batu Pahat dan Pontian, Johor. *Jurnal Melayu* (4): 143-160.